

16 MAY 2002

PERJUMPAAN MAHATHIR-BUSH NAIKKAN IMEJ MALAYSIA, KATA ONG

PETALING JAYA, Mei 16 (Bernama) -- Perjumpaan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Amerika Syarikat George W.Bush telah menaikkan imej Malaysia, kata Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata bahawa dalam pertemuan itu, Bush secara jelas telah menyanjung tinggi peranan yang dimainkan oleh negara ini dalam menangani isu keganasan.

"Bush nampaknya sangat menghormati Perdana Menteri, nampaknya Perdana Menteri sangat berjaya dalam lawatan kali ini sehingga membanggakan rakyat Malaysia secara amnya," katanya kepada pemberita di sini.

Ong mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Mahathir kerana kejayaannya dalam lawatan ke Amerika Syarikat kali ini.

-- BERNAMA

AT MAD MAI